

## **Majlis Pelancaran Minggu Saham Amanah Malaysia Dan Skim Amanah Saham Malaysia**

Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur 20 April 2000

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB) kerana menjemput saya untuk melancarkan Minggu Saham Amanah Malaysia pada hari ini. Saya juga mengucapkan selamat datang kepada para delegasi 'Fifth Asia Oceania Regional Meeting 2000'.

2. 20 April akan menjadi tarikh yang amat bermakna bagi rakyat Malaysia kerana mulai tahun ini pada 20 April setiap tahun, kita akan meraikan Minggu Saham Amanah di negara ini. Ini adalah pengiktirafan yang diberikan kepada industri, pengurus-pengurus, pelabur-pelabur dan bakal pelabur saham amanah di Malaysia. Pemilihan tarikh tersebut adalah bersempena dengan tarikh pelancaran produk saham amanah pertama PNB iaitu Amanah Saham Nasional yang telah dilancarkan dalam tahun 1981.

3. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada PNB atas inisiatif dan kesungguhannya menganjurkan Minggu Saham Amanah Malaysia. Adalah diharapkan Minggu Saham Amanah Malaysia, yang akan menjadi acara tahunan negara, akan mendidik masyarakat Malaysia tentang industri, selok-belok, peluang-peluang dan manfaat melabur dalam saham-saham amanah. Inilah matlamat yang perlu dijayakan oleh semua pihak yang terlibat dengan Minggu Saham Amanah Malaysia agar penyertaan orang ramai dalam pelaburan alternatif ini berjaya ditingkatkan. Malah tema yang dipilih bagi tahun ini, iaitu Saham Amanah -- Pilihan Pelabur Bijak, mencerminkan pendekatan pelaburan melalui saham amanah yang mempunyai banyak kebaikan bagi mereka yang ingin melabur dalam syarikat yang disenaraikan dalam pasaran saham tetapi tidak mempunyai pengalaman atau kecekapan dalam menilai saham-saham yang dipasarkan. Saham amanah mempunyai risiko yang tidak terlalu tinggi kerana penilaian dibuat oleh pengurusan amanah saham.

4. Seperti yang kita semua sedia maklum, penubuhan PNB pada tahun 1978 adalah sebagai salah satu jentera terpenting dalam usaha Kerajaan untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB adalah dasar yang menyeluruh dan bermatlamat dalam jangka panjang bagi mewujudkan keadilan ekonomi dan perpaduan negara. Dasar tersebut bersifat serampang dua mata, bertujuan mengurangkan dan membasmi kemiskinan melalui peningkatan pendapatan dan penambahan peluang-peluang pekerjaan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, dan menyusun semula masyarakat dengan menghapuskan identifikasi kaum dengan fungsi ekonomi. Terdapatnya kegiatan ekonomi mengikut kaum telah mengakibatkan jurang pendapatan yang amat ketara di antara golongan Bumiputera dan bukan Bumiputera. Dengan ini ia menjadi punca kepada renggangnya perhubungan antara rakyat Malaysia yang berbilang kaum pada suatu ketika dahulu.

5. Dalam negara berbilang kaum biasanya perhubungan antara kaum adalah

tegang dan permusuhan kerap berlaku. Tetapi di Malaysia kita dapat menangani kemungkinan ini dengan berkesan. Demikianlah kejayaan kita sehingga kegawatan ekonomi juga tidak menjejaskan hubungan antara kaum. Pendekatan kita bukan sahaja dapat membendung permusuhan antara kaum tetapi juga tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi sehinggalah kita diserang oleh penyangak matawang. Melalui PNB kita dapat melahirkan saham-saham amanah iaitu ASB, ASN, ASW 2020, AHP dan ASN2, yang memberi tujuh juta rakyat Malaysia peluang menikmati kemajuan yang dicapai oleh perniagaan dan perusahaan kita. Adalah jelas DEB menguntungkan semua Bumiputera, bahkan bukan Bumiputera juga dan bukan beberapa orang tertentu sahaja seperti yang didakwa oleh orang-orang asing yang cemburu dengan kejayaan kita.

6. Banyak peluang yang disediakan oleh Kerajaan untuk rakyat dan menerusi saham amanah, lebih ramai rakyat berpeluang meningkatkan taraf hidup mereka termasuklah golongan rakyat termiskin dan masyarakat Orang Asli yang dapat sama-sama menikmati hasil daripada kemakmuran dan kemajuan negara. Sehingga 31 Januari 2000, sejumlah 154,531 keluarga termiskin telah berpeluang mengikuti Program Pembangunan Rakyat Termiskin-ASB dengan peruntukan berjumlah RM772.66 juta. Sebenarnya tidak ada rakyat miskin di negara-negara membangun yang lain yang mendapat peluang dan nikmat seperti ini.

7. Sebagai sebuah institusi pelaburan terbesar di negara ini yang mengurus dana daripada tujuh juta orang pelabur, PNB bukan sahaja perlu berhati-hati dan peka dengan perkembangan dan perubahan persekitarannya, malah perlu sentiasa menilai kesan dan akibat daripada setiap perancangan dan keputusan pelaburannya. Dengan berpegang kepada falsafah 'strategi jangka panjang untuk pulangan jangka panjang', PNB perlu memastikan setiap keputusan pelaburannya berupaya memberikan pulangan yang kompetitif untuk jangka masa panjang. Saya juga berbangga kerana rakyat memahami dan menerimapiakai falsafah ini. Ini jelas terbukti melalui kejayaan PNB mengurus dana sejumlah RM50 bilion, yang mana RM30 bilion adalah dana yang digembleng daripada tujuh juta pelaburnya manakala RM20 bilion adalah dananya sendiri.

8. Konsep saham amanah telah mula diperkenalkan di sekitar tahun 1868. Ia adalah satu cara untuk pelabur kecil melabur dalam syarikat-syarikat gergasi dan mendapat keuntungan serta hasil daripada peningkatan nilai saham (capital gains). Memandangkan kebanyakan Bumiputera tidak mempunyai modal yang besar dan di bawah DEB kita perlu melibatkan seberapa ramai daripada masyarakat Bumiputera dalam bidang ekonomi dan mendapat hasil daripadanya, Kerajaan memutuskan untuk mengadakan saham amanah secara besar-besaran untuk mewujudkan peluang pelaburan bagi seramai mungkin Bumiputera.

9. Sebelum amanah saham diadakan saham-saham yang diperuntukkan kepada Bumiputera dijual dengan harga tawaran yang rendah kepada mereka yang mendaftar diri dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Hanya sebahagian kecil yang tahu akan peluang ini yang mendaftar dan mereka meraih

keuntungan yang besar kerana biasanya mereka menjual dengan serta-merta saham yang mereka dapati untuk mendapat keuntungan yang cepat. Dengan itu walaubagaimana banyakpun saham yang diperuntukkan kepada Bumiputera dibawah DEB, saham-saham yang diperolehi oleh Bumiputera hilang dengan cepat dan pemilikan 30 peratus bahagian ekonomi oleh Bumiputera tidak mungkin dicapai sehingga bila-bila masa.

10. Dengan Amanah Saham Nasional diberi hampir semua saham yang diperuntukkan kepada Bumiputera maka pemilikan saham dalam syarikat-syarikat bukan Bumiputera tidak lagi akan hilang daripada tangan Bumiputera. Di masa yang sama lebih ramai Bumiputera akan mendapat peluang memiliki secara tidak langsung saham-saham daripada syarikat besar milik bukan Bumiputera, dan juga yang dimiliki oleh Bumiputera sepanjang masa. Amanah saham boleh menjual beli saham-saham ini untuk meraih keuntungan daripada `capital gains' tetapi yang dijual diganti balik dengan saham lain yang dibeli. Dengan itu peratusan saham yang dimiliki oleh Bumiputera tidak jatuh sementara keuntungan daripada kenaikan harga saham diperolehi.

11. Kelemahan amanah saham ialah ia melabur dalam terlalu banyak syarikat sehingga pengurus-pengurusnya tidak dapat mengambil bahagian dalam pengurusan syarikat -syarikat yang ia mempunyai kepentingan besar. Penglibatannya terhad kepada Lembaga Pengarah sahaja. Ini tidak memberi peluang untuknya mempelajari selok-belok perniagaan dan perusahaan, yang mana ini adalah amat penting bagi mewujudkan kumpulan peniaga dan pengurus yang berpengetahuan dan cekap. Penglibatan sebagai pelabur semata-mata, walaupun penting daripada segi pemilikan punca kekayaan oleh Bumiputera, tidak dapat melahirkan masyarakat dagangan Bumiputera.

12. Oleh kerana ini peluang diberi juga kepada individu, terutama yang sudahpun menjadi seorang daripada pengurus syarikat berkenaan, untuk memiliki jumlah saham yang besar supaya ia boleh terlibat secara langsung dalam pengurusan perniagaan berkenaan. Juga apabila Kerajaan melaksanakan penswastan, walaupun sebilangan besar daripada saham badan yang diswastakan dijual kepada Amanah Saham Nasional tetapi dalam kes - kes tertentu jumlah saham yang boleh memberi `control' dijual kepada individu yang sudahpun menunjukkan kebolehan. Dengan cara ini bukan sahaja pelabur yang ramai dalam amanah saham mendapat peluang tetapi individu Bumiputera yang berkelayakan akan dapat menguruskan secara terperinci segala aktiviti perniagaan, sehingga mereka setaraf daripada segi kecekapan perniagaan dengan bukan sahaja bukan Bumiputera tempatan tetapi juga pengurus syarikat-syarikat gergasi antarabangsa.

13. DEB bukan terhad kepada perseimbangan di peringkat pemilikan saham dan penglibatan sebagai pekerja swasta yang berpendapatan rendah; bukan setakat mendapat AP dan lesen penjaja, bahkan bukan setakat pengwujudan kelas menengah dan ahli profesional, tetapi juga diperingkat pemilik dan pengurus syarikat besar yang setanding dengan yang dimiliki oleh bukan Bumiputera. Kita tidak hendak lihat hanya bukan Bumiputera sahaja yang kaya-raya, yang memiliki perniagaan dan perusahaan besar sedangkan Bumiputera hanya

menjadi pekerja upahan dalam perniagaan-perniagaan ini. Kita ingin melihat perimbangan di peringkat tertinggi ini. Tetapi jika kita tidak hendak melihat Bumiputera menjadi pekerja dan peniaga kelas dua dalam negara sendiri, janganlah pula kita membenarkan diri kita dihasut kononnya sesiapa sahaja yang berjaya ke peringkat tinggi harus dibenci kerana mereka kaya dan kononnya mereka adalah kroni orang tertentu. Jika kita menganggap sesiapa sahaja yang berjaya adalah kroni maka kita perlu halang kejayaan Bumiputera di peringkat atasan. Jika kita berbuat demikian maka perseimbangan antara kaum akan hanya tercapai di peringkat bawahan sementara di peringkat atasan akan hanya terdapat bukan Bumiputera sahaja. Jika ini berlaku maka DEB boleh dianggap sebagai gagal. Jika DEB gagal maka bukan sahaja keadilan ekonomi antara kaum tidak akan tercapai, tetapi sampai bilapun Bumiputera akan percaya mereka tidak mampu dalam bidang perniagaan dan perusahaan yang besar. Perasaan rendah diri dan kurang yakin kepada diri sendiri juga akan berkekalan dan ini akan menjadi penghalang besar terhadap kemajuan Bumiputera.

14. Walaupun pengurus-pengurus saham amanah tidak dapat melibatkan diri secara aktif dalam syarikat- syarikat yang disertai oleh mereka, tetapi mereka dapat membuktikan kebolehan mereka dalam menguruskan amanah saham yang besar-besar. Sebenarnya tidak ada amanah saham di dunia yang sebesar ASN, ASB dan sebagainya. Kebolehan dan kecekapan pengurusan diuji semasa kegawatan ekonomi di waktu mana nilai saham jatuh dengan teruknya dan penebusan meningkat dengan tinggi. Saham-saham milik ASN, ASB dan lain-lain yang dijamin penebusan dengan harga tetap mengalami masalah yang besar kerana nilai sebenar saham amanah telah jatuh lebih rendah daripada harga tebusan. Tetapi oleh kerana kukuhnya modal PNB, kerugian ini dapat dipikul sehinggalah harga saham pulih semula dan kerugian dapat ditampung. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pelabur-pelabur yang tidak menebus saham mereka dimasa kegawatan kerana tidak menghadapi masalah kewangan di masa itu dan masih yakin ekonomi negara akan pulih semula. Tahniah juga diucapkan kepada pengurus- pengurus PNB dan amanah saham yang diurus oleh mereka.

15. Ekonomi Malaysia bukanlah suatu ekonomi yang mudah diurus. Kita perlu berusaha untuk membasmi kemiskinan, mengimbangkan kekayaan antara kaum, menangkis persaingan dari luar negara, mempertahankan ekonomi negara daripada penyangak-penyangak wang dan pasaran saham serta cabaran-cabaran lain, tetapi di masa yang sama kita perlu menentukan ekonomi tumbuh di paras yang tinggi untuk mencapai Wawasan 2020. Di sekeliling kita ekonomi negara-negara membangun telah tumbang sehingga dasar dan urusan ekonomi mereka dikuasai oleh orang asing. Walaupun mereka telah pulih tetapi mereka menanggung beban hutang yang besar yang pembayarannya akan menelan sebahagian besar daripada pendapatan tukaran asing mereka untuk masa yang panjang.

16. Tetapi Malaysia dapat dipulihkan semula dengan baik tanpa berhutang kepada badan antarabangsa yang dikuasai oleh kuasa-kuasa besar. DEB juga

tidak runtuh sepenuhnya seperti yang diharapkan oleh orang asing. Kita boleh meneruskan usaha-usaha untuk membangunkan negara dan mengagih kekayaan secara seimbang di antara kaum.

17. Orang asing yang kecewa kerana tidak dapat mengambilalih syarikat dan bank-bank kita semasa kegawatan yang diusahakan oleh mereka akan berusaha menggagalkan pemulihan ekonomi Bumiputera terutamanya. Mereka akan melabelkan sebarang pemulihan sebagai `bail-out'. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka ingin melihat semua syarikat Bumiputera kecil dan besar berkubur. Mereka ingin menggagalkan DEB kerana mereka melihat DEB sebagai penghalang kepada peluang mereka untuk menguasai ekonomi negara kita. Mereka akan menyangkal dakwaan ini. Tetapi semua bukti menunjukkan di mana-mana mereka berjaya mencetuskan kegawatan dan melemahkan negara, mereka dapat membeli bank dan perusahaan dengan harga yang murah kerana IMF memaksa pembukaan ekonomi 100 peratus sebagai syarat memberi pinjaman kepada negara yang bermasalah. Sementara mereka mengecam apa yang ditakrif sebagai `bail-out' oleh Kerajaan di negara kita, tanpa segan-silu mereka mengadakan `bail-out' untuk syarikat mereka.

18. Majoriti rakyat di Malaysia tidakpun sedar akan kegawatan dan bahaya besar yang baru kita lalui. Ini adalah kerana kita berjaya menangkis serangan terhadap ekonomi dan politik negara kita sehingga kesan serangan itu tidak begitu dirasai oleh kita. Dengan itu ramai yang tidak begitu menghargai nasib baik kita. Tetapi serangan terhadap kita dan negara-negara yang dikenali sebagai harimau Asia akan diteruskan. Kali ini ia dikenali sebagai globalisasi atau dunia tanpa sempadan. Jika kita tidak memahami cara serangan ini akan dilakukan dan kita tidak menyusun barisan pertahanan kita, besar kemungkinan kita akan tertewas dan akan dikuasai oleh penjajah jenis moden ini.

19. Sekarang ini mereka sedang mengumpulkan bala tentera mereka. Syarikat-syarikat gergasi mereka sedang disatukan untuk menjadi begitu besar sehingga boleh meranapkan syarikat dan bank kita apabila sahaja mereka dapat menembusi sempadan kita dalam proses globalisasi. Di masa yang sama dagangan moden melalui syarikat Dot-Kom akan menjadikan kebanyakan syarikat tempatan tidak berperanan dengan cara syarikat Dot-Kom menjual terus kepada pembeli di negara kita. Kerajaan bukan sahaja akan kehilangan cukai import tetapi juga cukai korporat kerana syarikat tempatan tidak berniaga lagi. Peluang pekerjaan akan hilang. Walaupun harga barangan import mungkin murah, tetapi penganggur tidak akan mempunyai wang untuk membelinya.

20. Inilah dunia tanpa sempadan dan globalisasi yang dirancang oleh negara kaya. Ia tidak semestinya begitu. Globalisasi boleh diadakan dalam bentuk lain. Tetapi sama ada kita dapat mempengaruhi interpretasi globalisasi bergantung kepada perpaduan negara-negara Selatan. Di waktu ini kita belum nampak ini akan berlaku.

21. Oleh kerana ini kita perlu kukuhkan ekonomi negara kita. DEB mesti dilaksanakan dengan bijak supaya tidak ada sesiapa yang merasa mereka tidak mendapat bahagian mereka. Dalam soal ini, PNB dan saham-saham

amanahnya boleh memainkan peranan penting. Di masa yang sama kecekapan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan pengurusan mestilah ditingkatkan. Mereka mesti bergerak secara aktif dalam bidang ekonomi. Yang cekap dan mampu perlu berusaha sendiri tanpa bergantung hanya kepada pemilikan saham. Contoh yang baik ada di hadapan kita. Orang Cina berjaya dalam bidang perniagaan walaupun terdapat banyak halangan dan cabaran. Jangan percaya bahawa dalam perniagaan keuntungan hanya akan diperolehi melalui penipuan. Sebenarnya kejayaan dalam bidang perniagaan bergantung kepada disiplin dan kesanggupan mengamalkan cara-cara pengurusan yang dikenali sebagai 'best practice' atau pengamalan cara-cara yang terbaik.

22. Saham amanah hanyalah satu cara untuk mengagih kekayaan negara ini kepada bilangan yang terbesar daripada rakyat. Kita berharap satu hari kita tidak perlu bergantung kepada saham amanah untuk pengagihan ekonomi kepada Bumiputera. Dengan usaha yang gigih dan keyakinan akan kebolehan diri sendiri, pencapaian matlamat ini akan dapat dilihat dalam jangkamasa yang singkat. Sebenarnya amatlah memalukan apabila kita perlu diberi perlindungan di negara kita sendiri.

23. Akhir kata, saya berharap orang ramai akan mengambil kesempatan daripada berbagai-bagai aktiviti yang dianjurkan sepanjang Minggu Saham Amanah Malaysia ini untuk meningkatkan pengetahuan tentang saham amanah dan selok-belok perniagaan serta pengurusan. Melaburlah dalam saham amanah sebagai persediaan untuk masa depan.

24. Dengan harapan Minggu Saham Amanah ini akan dapat meningkatkan pengetahuan tentang tujuan dan peranan saham amanah dan DEB dalam membentuk ekonomi negara yang lebih adil, dengan harapan ia dapat menjelaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh tiap Bumiputera dan juga bukan Bumiputera, dengan harapan kita semua dapat memahami tindakan yang perlu dibuat oleh kita untuk mempertahankan ekonomi negara dan kebebasan kita, saya dengan sukacitanya melancarkan Minggu Saham Amanah Malaysia.